

28 APR, 2020

Lambakan sayur selesai

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Penularan COVID-19

Lambakan sayur selesai

FAMA, NGO
beli hasil tani
agih kepada
golongan
memerlukan

Tumpat: Isu lambakan sayur, termasuk di Lojing dan Cameron Highlands sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah ditangani.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata masalah berkenaan diselesaikan menerusi pembelian oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Pada awal pelaksanaan PKP, memang timbul masalah lambakan sayur, termasuk mereka yang gagal mengeksport, namun masalah berkenaan sudah ditangani.

“Ada FAMA beli dan ada NGO beli untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan, termasuk zoo,” katanya pada sidang media selepas membuat lawatan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pengkalan



Che Abdullah (dua dari kanan) melihat ikan yang baru dinaikkan ketika melawat Kompleks LKIM, Pengkalan Kubor, semalam.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Kubor; di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, setakat ini tiada aduan membabitkan masalah besar yang diterima pihaknya.

“Menerusi bilik gerakan kementerian yang beroperasi setiap hari, kami hanya terima aduan masalah kecil berhubung perge-

rakan terhad, namun ia dapat diatasi.

“Masalah pergerakan memang akan sentiasa berlaku memandangkan kita masih dalam tempoh PKP,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah berkata, bekalan ikan sepanjang PKP mencukupi

dengan stok di pasaran 185,000 tan, berbanding keperluan semasa 155,000 tan sebulan.

“Jumlah keseluruhan ikan yang didaratkan di 47 Kompleks LKIM seluruh negara sepanjang tempoh PKP sebanyak 25,941 tan dengan nilai RM88.37 juta,” katanya.



28 APR, 2020

Lambakan sayur selesai

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Tumpat: Isu lambakan sayur, termasuk di Lojing dan Cameron Highlands sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah ditangani. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata masalah berkenaan diselesaikan menerusi pembelian oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). "Pada awal pelaksanaan PKP, memang timbul masalah lambakan sayur, termasuk mereka yang gagal mengeksport, namun masalah berkenaan sudah ditangani.